



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN HAB HALAL**

PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2017

**PENJELASAN ISU PERMOHONAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA
(SPHM) OLEH PEMILIK PRODUK/ JENAMA/ EMPUNYA HAK MENGILANG**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan isu berkaitan permohonan SPHM oleh pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang yang menjalankan pengilangan kontrak/ *Original Equipment Manufacturing* (OEM) di kilang yang memiliki SPHM.

LATAR BELAKANG

2. Merujuk kepada klausa 5.13 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 (MPPHM 2014) telah menetapkan bahawa pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang hendaklah memastikan produk mereka memohon SPHM di setiap kilang yang menghasilkan produk milik mereka. Di samping itu, pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang hendaklah terlebih dahulu memastikan pengilang yang menghasilkan produk mereka memiliki SPHM.
3. Permohonan SPHM boleh dilakukan sendiri oleh pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang atau pihak pengilang boleh membuat permohonan SPHM bagi pihak pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang dengan menyatakan jenama produk yang dikilangkannya di dalam borang permohonan SPHM. Bagi permohonan yang dilakukan oleh pengilang, maklumat pengilang hendaklah

dinyatakan pada label pembungkusan produk pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang.

4. Kekeliruan timbul apabila pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang yang tidak memohon SPHM (permohonan SPHM dilakukan oleh pengilang) turut menggunakan logo halal pada label pembungkusan tanpa menyatakan maklumat pengilang pada label pembungkusan produknya.

PELAKSANAAN

5. Setiap produk yang dihasilkan secara pengilangan kontrak/ OEM boleh mendapat pengesahan halal melalui dua (2) kaedah:

- i. **Pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang membuat permohonan SPHM secara terus bagi setiap produk milik mereka; atau**
- ii. **Pengilang kontrak/ OEM membuat permohonan SPHM bagi pihak pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang dengan mendaftar jenama produk yang dihasilkan di kilang mereka.**

6. Berdasarkan kepada MPPHM 2014 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, penggunaan logo halal Malaysia hanya dibenarkan kepada penama yang dinyatakan di dalam SPHM. Oleh yang demikian, **sekiranya permohonan SPHM dibuat oleh pengilang, maka pemilik produk/ jenama/ empunya hak mengilang hendaklah memastikan maklumat pengilang turut dinyatakan pada label pembungkusan produk mereka.**

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa **SERTA MERTA** dan semua pihak yang terlibat dalam Pensijilan Halal Malaysia perlu mematuhi serta mengambil maklum berkenaan pelaksanaan Pekeliling ini.

8. Pekeliling ini diterbitkan berdasarkan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.



(TAN SRI DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA)

Ketua Pengarah,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,

18 April 2017